

**Jangan percaya pakatan pembangkang hipokrit, tidak ikhlas, pesan Najib**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 13, 2016**

**Najib berkata, politik pusingan U yang diamalkan pakatan pembangkang bukan sahaja mengelirukan rakyat, tetapi turut mengelirukan mereka sendiri.**

KUALA LUMPUR: Masa depan negara tidak boleh bergantung kepada pakatan politik hipokrit, tiada keikhlasan dan mengamalkan konsep pusingan U, kata Datuk Seri Najib Razak.

Sebaliknya, perdana menteri berkata, rakyat perlu memilih parti politik yang bekerjasama erat dengan semua parti gabungan untuk masa depan rakyat dan negara yang lebih terjamin.

Memberi contoh Barisan Nasional (BN), Najib berkata, parti itu sentiasa membuat keputusan berdasarkan konsensus bersama anggota parti komponen dan mengamalkan prinsip kesederhanaan, tanpa melakukan sesuatu perkara ekstrem.

“Tuan-tuan ingat pembangkang ini genuine partnership (perkongasian tulen) ke? Adakah anda fikir Kit Siang (Penasihat DAP, Lim Kit Siang) betul-betul sukakan Mahathir (bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad)? Adakah anda fikir Mahathir benar-benar sukakan Kit Siang?”

“Mahathir pernah kata secara terbuka, Kit Siang adalah rasis, anti-Melayu dan anti-Islam, dan Kit Siang pun kata Mahathir diktator dan banyak lagi dia kata. Pada saya ini bukan politik seimbang.

“Mana boleh kita percaya kepada pakatan politik berdasarkan hipokrasi,” katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-63 di Wisma MCA, hari ini.

Pengerusi BN itu berkata, politik pusingan U yang diamalkan pakatan pembangkang bukan sahaja mengelirukan rakyat, tetapi turut mengelirukan mereka sendiri.

“Berapa kali politik pusingan U ini saya pun tak tahu. Saya fikir mereka sudah hilang arah sebab sudah banyak kali (buat) pusingan U. Bukan sahaja rakyat keliru. Mereka sendiri (pun) sudah keliru. Tiada arah tujuan,” katanya.

Najib berkata, beliau sentiasa mengingatkan dirinya untuk menjadi perdana menteri kepada seluruh rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, beliau memerlukan sokongan daripada rakyat berbilang kaum, termasuk masyarakat Cina.

Sehubungan itu, beliau menyuarakan penghargaan kepada komuniti Cina yang memberikan sokongan kepada calon BN, antaranya pada Pilihan Raya Negeri Sarawak serta Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Sementara itu, Najib berkata, kerajaan akan bekerjasama dengan MCA untuk menambah bilangan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC).

“Sekolah-sekolah Cina jangan bimbang, saya akan bekerjasama dengan MCA untuk tambah SJKC. Jika anda tidak percaya dengan saya, tanya Tan Sri Lim Ah Lek.

“Semasa saya menjadi menteri pelajaran, saya bekerjasama dengan beliau. Ketika itu, beliau adalah timbalan presiden MCA. Kita menyelesaikan banyak penempatan semula sekolah Cina yang baharu,” katanya.

Dalam pada itu, Najib mengucapkan tahniah kepada Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan seluruh kepimpinan MCA kerana mampu merapatkan barisan dalam parti itu yang sebelum ini mempunyai kelompok tertentu.

“Kalau dulu masuk dewan ini (Dewan San Choon), (MCA) saya dengar ada team A, ada pula kata team B, ada kata team C. Hari ini cuma team 1MCA sahaja.

“Jadi, saya rasa boleh tidur lena malam ini kerana senarai calon pilihan raya daripada MCA akan berpandu kepada calon-calon paling sesuai bagi sesuatu kawasan.

“Inilah proses yang dikatakan meremajakan semula MCA. Kita nak pulihkan MCA di kaca mata rakyat, kaca mata pengundi, komuniti Cina di Malaysia,” katanya.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/13/jangan-percaya-pakatan-politik-hipokrit-tidak-ikhlas-pesan-najib/>